

18/11/1998

Gore ada muslihat politik sendiri

Khaidir Majid

KENYATAAN Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore, malam kelmarin, berhubung gerakan reformasi di negara ini menimbulkan pelbagai reaksi negatif. Soalnya bukanlah sangat mengenai kandungan kenyataan itu, tetapi lebih kepada suasana yang dipilih Gore untuk melafazkannya.

Bagi kebanyakan tetamu, termasuk pemimpin negara, menteri dan tokoh korporat dari seluruh Asia Pasifik yang menghadiri jamuan malam Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) kelmarin, kenyataan demikian tidak kena pada tempatnya.

Majlis itu dianjurkan bagi memberi peluang kepada tokoh korporat yang sememangnya menjadi pelaksana perdagangan dan pelaburan bebas untuk beramah mesra dengan pemimpin negara Apec yang kini bertungkus lumus untuk membuka pasaran di rantau ini.

Ia adalah peluang terbaik untuk tokoh korporat mendapat gambaran mengenai pemikiran pemimpin tertinggi negara anggota Apec dan bagi pemimpin Apec mendapat maklum balas daripada tokoh korporat itu.

Namun, Gore yang diberi penghormatan untuk berucap pada majlis itu memilih untuk menukarkannya sebagai satu platform politik. Konstituensi politik yang disasarkan oleh Gore dalam ucapannya itu bukanlah hanya Malaysia atau rantau ini, tetapi mungkin lebih penting baginya adalah konstituensi Amerika.

Gore yang sebelum ini dilaporkan mempunyai aspirasi untuk bertanding jawatan presiden Amerika pada tahun 2000, seolah-olah mahu 'mengutip mata' untuk mengatasi saingan politik di negaranya sendiri. Bosnya Presiden Bill Clinton tidak boleh bertanding ketika itu kerana sudah memegang jawatan itu bagi tempoh maksimum dua kali.

Kini sudah tiba masanya bagi Gore untuk muncul ke hadapan dan forum terbaik baginya untuk berbuat demikian ialah di Kuala Lumpur, yang mana media dari seluruh dunia sedang berkumpul untuk membuat liputan mesyuarat yang membabitkan 21 negara anggota sebagai satu kumpulan menguasai lebih 50 peratus daripada perdagangan dunia.

Gore mungkin menyedari cara terbaik baginya untuk keluar daripada 'bayangan' Clinton, ialah untuk melakukan sesuatu yang kontroversi dan dijamin mendapat liputan meluas.

Agak jelas kenyataannya kelmarin yang mahu membayangkan bahawa beliau adalah 'Pejuang Demokrasi dan Kebebasan' bertujuan memberi kesan sedemikian. Beliau yang sebelum ini hanya sekadar 'pemain simpanan yang dibawa masuk sebab pemain utama tidak dapat datang' kini berkontroversi dan dikerumuni media antarabangsa yang mengejar berita yang hangat.

Jika tidak kerana kenyataan kontroversinya, kehadiran Gore di Kuala Lumpur, seperti pada sidang kemuncak Apec di Osaka, Jepun pada 1995, mungkin tidak banyak memberi kesan langsung.

Kenyataan Gore yang kemudian direstu oleh Washington, jelas memang sudah dirancang kerana walaupun dikritik keras, Naib Presiden Amerika itu tetap mempertahankan kenyataannya.

Selepas pertemuan dengan pemimpin Russia semalam, Gore mendakwa 'negara-negara yang berusaha menangani masalah krisis ekonomi, mesti juga bekerja keras untuk menegakkan demokrasi.'

"Ini adalah mesej rakyat Amerika dan saya bangga menyampaikannya," katanya mempertahankan kenyataannya seperti dipetik agensi berita asing, semalam.

Apakah kesan kenyataan Gore ini terhadap forum kerjasama ekonomi itu? Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia (NCCIM), Tan Sri

Tajudin Ramli, berkata berdasarkan ucapan Gore, Amerika jelas tidak langsung berminat untuk meningkatkan persefahaman dan toleransi di kalangan anggota Apec.

Menurutnya, Amerika lebih cenderung menyemai ketidakpercayaan, permusuhan dan perpecahan negara anggota Apec.

"Jika ucapan itu berunsur pendirian dan langkah meningkatkan lagi kepentingan nasional dan strategik Amerika, jelas ia menyarankan suara negara anggota Apec tiada tempat di dalamnya lantaran kepentingan nasional dan strategik negara itu harus diberi keutamaan.

"Jika Amerika boleh menyatakan demikian terhadap Malaysia serta rakyatnya, negara lain serta rakyatnya di rantau Apec sudah tentu tidak akan dapat lari daripada tuduhan dan fitnah melampau batas negara itu," katanya.

Dr Shafiq Sit Abdullah, pengarah eksekutif Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac), berkata: "Pada ketika kita mahu membuka Apec kepada dunia keseluruhannya, adalah dikesali naib presiden itu gagal mengambil pendekatan sebagai seorang negarawan."

Bagaimanapun, beliau yakin suasana akan kembali baik. "Terdapat terlalu banyak laporan yang tidak betul dalam sesetengah media di Amerika. Inilah yang agaknya membentuk kenyataan itu," kata Dr Shafiq.

Beliau berkata Gore juga mungkin gagal melihat suasana positif pada persidangan itu.

"Saya percaya beliau sedar mengenai ini apabila hadirin tidak bertepuk tangan seperti biasa selepas sesuatu ucapan yang penting," katanya.

Noel Gould, anggota Majlis Perniagaan AS-Asean, berkata Malaysia telah menjadi tuan rumah yang baik untuk forum Apec, tetapi "malang sekali naib presiden itu mengambil pendekatan berbeza yang dramatik."

Pada satu pihak pula, kenyataan Gore dilihat menguntungkan Malaysia. Seorang perwakilan China berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berjaya mendapat sokongan baru dengan kenyataan Gore itu dan "Gore sebenarnya menembak kakinya sendiri. Ia tidak wajar dan bukan masanya dan subjek yang salah."

Seorang perwakilan Kanada juga dilaporkan berkata tindakan Gore meninggalkan majlis itu tergesa-gesa manakala hadirin lain tidak, menunjukkan bahawa Malaysia dihargai manakala kenyataan naib presiden itu tidak diterima dengan baik.

(END)